

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B1: WARISAN NEGARA BANGSA.

1. **Ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu** ialah Raja, Undang-undang, Rakyat dan wilayah pengaruh.
2. **Raja** merupakan tonggak utama kerajaan.
3. **Rakyat** merupakan penduduk yang taat setia kepada raja dan tidak menderhaka.
4. **Inskripsi Telaga Batu** digunakan dalam upacara persefiaan antara pemerintah dengan golongan diperintah di Srivijaya.
5. Ciri negara bangsa kerajaan Srivijaya diwarisi oleh Kesultanan Melayu Melaka.
6. **Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka** ialah Kerajaan, Rakyat, Kedaulatan, Wilayah Pengaruh, Undang-Undang dan lambang kebesaran.
7. **Kedaulatan** ialah lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan.
8. **Wilayah pengaruh Melaka** diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.
9. **Kawasan pegangan** ialah kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat.
10. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
11. **Lambang kebesaran** menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah.
12. **Kesultanan Melayu Melaka** mengamalkan sistem pentadbiran yang tersusun dikenali sebagai Sistem Pembesar Empat Lipatan.
13. Sultan Melaka dibantu oleh **Pembesar Berempat** iaitu Bendahara, Penhulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
14. Temenggung dilantik untuk menjaga keselamatan Kota Melaka.
15. Syahbandar bertugas mengutip cukai di pelabuhan Melaka. #
16. **Hukum Kanun Melaka** membincangkan hal jenayah, peranan sultan dan pembesar, Kekeluargaan dan ekonomi.
17. **Undang-Undang Laut Melaka** mengandungi perkara tentang peranan Nakhoda, pelayaran, jenayah dan percukaaian.
18. **Masyarakat Melaka** terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan diperintah.
19. **Peranan pembesar** ialah menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.
20. **Peranan rakyat** ialah menghadiri majlis umum, gotong royong, menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B2: KEBANGKITAN NASIONALISME.

21. **Nasionalisme** ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.
22. **Semangat kebangsaan** ini berkaitan dengan perjuangan menentang penjajah.
23. Menurut Hans Kohn, nasionalisme ialah gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang kepada negara atau bangsanya.
24. **Idea nasionalisme di Barat** tercetus selepas Revolusi Keagungan, Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis.
25. Revolusi Keagungan berlaku disebabkan keinginan menegakkan kedaulatan Parlimen dan hak asasi rakyat.
26. Revolusi Amerika merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British.
27. **Jean Jacques Rousseau** menulis The Sosial Contract, yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.
28. Idea nasionalisme di Barat mencetuskan Kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara kita.
29. Mahatma Gandhi ialah tokoh yang menggerakkan nasionalisme di India.
30. Tokoh yang mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China ialah Dr. Sun Yat Sen.
31. Prinsip dan semangat Bushido dijadikan asas membina nasionalisme di Jepun.
32. Tokoh nasionalisme di Filipina termasuklah Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo.
33. **Jose Rizal** menubuhkan Liga Filipina untuk mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.
34. Persatuan Belia Buddha menggunakan isu kasut untuk membangkitkan nasionalisme di Burma.
35. **Raden Adjeng Kartini** memimpin perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita di Indonesia.
36. Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn memodenkan dan melaksanakan birokrasi Barat untuk mengekalkan Kedaulatan Thailand.
37. **Faktor gerakan nasionalisme** ialah peranan agama, penulisan kreatif, media cetak, sistem pendidikan, kemunculan golongan intelektual dan pengaruh luar.
38. **Penulisan kreatif** seperti novel Putera Gunung Tahan dan Anak Mat Lela Gila, menyindir penjajah dan menyedarkan anak bangsa kepentingan menikmati Kebebasan.
39. **Kaum Muda** menyalurkan idea melalui gerakan Islam dan menjadikan Islam sebagai asas kemajuan. Mereka menggunakan akhbar dan majalah untuk membangkitkan nasionalisme, seperti akhbar Al-Imam.
40. **Ibu Zain** mengingatkan wanita tentang kepentingan ilmu pengetahuan.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B3:

KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA.

41. Faktor **Perang Dunia Pertama** ialah persaingan kuasa imperialis, pakatan ketenteraan dan krisis rantau Balkan
42. Pakatan Kuasa Tengah dianggotai Jerman dan Austria-Hungary dan Bulgaria.
43. Pakatan Bertiga dianggotai Britain, Perancis dan Rusia.
44. Perang Dunia Pertama tercetus selepas pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary, Archduke Ferdinand.
45. Perjanjian Versailles ditandatangani selepas kekalahan Jerman.
46. Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson mengandungi dua prinsip iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.
47. Kesan Perang Dunia Pertama ialah menamatkan pemerintahan beraja dan kemunculan negara baru di Eropah.

48. Faktor **Perang Dunia Kedua** ialah ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles dan kegagalan Liga Bangsa-Bangsa.
49. Adolf Hitler melanggar Perjanjian Versailles dengan membina angkatan tentera
50. Terdapat dua pakatan semasa PD2 iaitu Kuasa Paksi pimpinan Jerman menentang Kuasa Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat.
51. Selepas menguasai Eropah Barat, Jerman melancarkan Operasi Barbarossa iaitu serangan besar-besaran untuk menguasai Rusia.

52. Jepun menggunakan propaganda seperti penggunaan slogan "Semangat Asia" dan Asia untuk orang Asia untuk menjayakan misi pendudukan Jepun.
53. Pentadbiran Jepun melaksanakan sistem Ekonomi Kawalan disebabkan kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu.
54. Mata wang Jepun dikenali sebagai wang pokok pisang.
55. Landasan kereta api maut menjadi bukti kekejaman Jepun di Asia Tenggara.
56. Rejimen Askar Melayu ditubuhkan rakyat tempatan untuk menentang Jepun.
57. PKM menubuhkan pasukan gerila menentang Jepun iaitu MPAJA
58. Operasi Semut ialah siri operasi peninjauan unit khas Australia menentang Jepun di Sarawak.
59. Jepun menyerah kalah selepas bom atom digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki.
60. Perang Dunia memberi iktibar kepada kita tentang pentingnya keamanan dunia.

KBAT

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B4:

ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA .

61. BMA diperkenalkan untuk mengembalikan keamanan dan memulihkan kepercayaan rakyat selepas kekalahan Jepun.
62. Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA.
63. Matlamat British memperkenalkan Malayan Union untuk melicinkan pentadbiran dan meningkatkan pelaburan ekonomi.
64. Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England.
65. Prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union.
66. Malayan Union telah ditentang oleh Raja-raja dan orang Melayu.
67. Raja-raja menentang Malayan Union kerana ia adalah penjajahan mutlak oleh kerajaan British. Raja-raja akan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik.
68. Tokoh wanita seperti Cikgu Zaharah, Halimathon Abd Majid dan Datin Puteh Mariah juga membantah Malayan Union.
69. Kongres Melayu turut diadakan. Dalam kongres tersebut, UMNO ditubuhkan untuk menentang Malayan Union.
70. UMNO menganjurkan bantahan dan tunjuk perasaan besar-besaran untuk menentang Malayan Union.
71. Faktor penyerahan Sarawak kepada British masalah pewarisan takhta, desakan kerajaan British dan masalah kewangan.
72. Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia II.
73. Tindakan Brooke menyerahkan Sarawak dibantah kerana bertentangan dengan Perlembagaan 1941 yang memberi pemerintahan sendiri kepada rakyat Sarawak.
74. Cikgu Lily Eberwin ialah golongan wanita yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.
75. Seramai 409 orang kakitangan kerajaan meletak jawatan kerana menentang.
76. Kumpulan Rukun 13 ditubuhkan untuk menghapuskan pegawai tinggi British.
77. Dalam peristiwa Sungkit Berdarah, Rosli Dhoby telah menikam Gabenor British di Sarawak, Duncan Stewart.
78. Kesannya, Rosli Dhoby, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong ditangkap dan dikenakan hukuman gantung sampai mati oleh British.
79. Nilai yang boleh dipelajari daripada tokoh-tokoh ini ialah berkorban untuk negara.
80. Penyerahan Sabah kepada British tidak menimbulkan tentangan penduduk tempatan.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

81. Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan untuk menggantikan MU.
82. Jawatankuasa Kerja dibentuk untuk merangka Perjanjian PTM.
83. Persekutan ialah gabungan beberapa negeri di bawah satu unit pentadbiran.
84. Pentadbiran Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
85. Matlamat Jawatankuasa Kerja untuk membincangkan asas perjanjian PTM 1948.
86. Jawatankuasa Kerja terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil kerajaan British dan wakil UMNO.
87. Nasionalis Melayu radikal membidas British kerana menjalankan rundingan tertutup dengan UMNO. Mereka bergabung dan membentuk PUTERA.
88. Golongan bukan Melayu menganggap Jawatankuasa Kerja tidak demokratik kerana tiada wakil bukan Melayu. Mereka bergabung dan menubuhkan AMCJA.
89. Gabungan PUTERA-AMCJA menentang Perjanjian Persekutuan 1948 dan mencadangkan Perlembagaan Rakyat.
90. British mendolak Perlembagaan Rakyat dan menerima Perjanjian PTM yang digubal Jawatankuasa Kerja. Kesannya, PUTERA-AMCJA menganjurkan Hartal.
91. Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 setelah ditandatangani oleh Raja-raja Melayu.
92. Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana mewujudkan keamanan.
93. Selain itu, melalui PTM, British melaksanakan dasar dekolonisasi iaitu proses ke arah berkerajaan sendiri.
94. Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
95. Sebuah Majlis Raja-Raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberi pandangan dalam perkara tertentu.
96. Kewarganegaraan PTM adalah secara kuatkuasa undang-undang iaitu jus soli terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British.
97. Kesan penubuhan PTM ialah mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu.
98. Pembentukan PTM juga mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu.
99. PTM membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.
100. PTM membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama kaum melalui penubuhan CLC.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B6:

ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT.

101. **Komunisme** ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels.
102. Pada tahun 1930, PKM ditubuhkan dan bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah cina.
103. **Semasa pendudukan Jepun**, PKM bekerjasama dengan British untuk memerangi Jepun dan menerima bantuan Senjata, latihan dan kewangan daripada British.
104. Pada tahun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak. British mengisytiharkan Darurat.
105. Komunis bertindak melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan penduduk dan pasukan keselamatan.
106. **Undang-Undang Darurat** dikuatkuasakan dan British mengharamkan PKM dan parti politik radikal seperti AWAS dan PKMM.
107. British memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru dan memindahkan penduduk.
108. British memperkasa **pasukan polis** seperti cawangan khas, Special Constable Polis Hutan, Polis Wanita, Senoi Praaq dan Auxiliary Police.
109. **Pasukan tentera** ialah askar Melayu, askar Komanwel dan Sarawak Rangers
110. **Pasukan askar Komanwel** dibawa masuk dari Britain, Australia dan New Zealand. Fiji
111. Pasukan sukarelawan atau Home Guard bertugas sebagai pengawal kampung.
112. Special Constables mengawal ladang dan kawasan lombong
113. Senoi Praaq mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan.
114. Auxiliary Police mempertahankan bandar dan kampung.
115. Kerajaan memperkenalkan **pendaftaran kebangsaan** dan Kad pengenalan bagi mengawal pergerakan penduduk serta membezakan orang awam dengan komunis.
116. Rancangan Briggs dilancarkan untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat kepada PKM.
117. **Rancangan Briggs** memindahkan penduduk setinggan di pinggir hutan ke petempatan baharu yang digelar sebagai kampung Baru.
118. Perang saraf dilaksanakan untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat.
119. **Rundingan Baling** gagal kerana Tunku Abdul Rahman enggan mengakui PKM sebagai parti politik yang sah.
120. **Kesan zaman darurat** menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B7:

USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN.

121. **Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (CLC)** ditubuhkan untuk menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum
122. Pengerusi CLC ialah E.E.C. Thuraisingam
123. CLC berperanan menyelesaikan isu kaum termasuk politik, kedudukan istimewa dan ekonomi orang Melayu, Kewarganegaraan orang bukan Melayu dan pendidikan.
124. CLC setuju orang Melayu diberi keistimewaan kerana menunjukkan taat setia tidak berbelah bahagi dan mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air mereka.
125. RIDA ditubuhkan untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu di luar bandar.
126. CLC setuju melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.
127. CLC mencadangkan sistem pendidikan yang seragam untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan di Tanah Melayu.
128. Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan mentadbir negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.
129. Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British
130. Sistem Ahli ialah satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.
131. Dato' Onn Jaafar dilantik sebagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri.
132. Kepentingan Sistem Ahli ialah menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
133. Sistem Ahli merupakan proses memupuk Perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.
134. Sekolah Vernakular menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
135. Laporan Barnes mencadangkan sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai pengantar.
136. Laporan Fenn-Wu mencadangkan sekolah cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan.
137. Laporan Woodhead memperkasakan pendidikan di Sarawak dan Sabah.
138. Ordinan Pelajaran 1952 membentuk sistem pendidikan menggunakan bahasa rasmi Persekutuan dan murid disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu.
139. Dato Onn Jaafar menubuhkan Parti Negara. Matlamatnya untuk menuntut kemerdekaan dengan kerjasama semua kaum.
140. Parti Perikatan dianggotai oleh UMNO, MCA dan MIC.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B8: PILIHAN RAYA.

141. Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat memilih wakil dalam kerajaan.
142. Pilihan raya di PTM diadakan selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
143. Kerajaan Persekutuan mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya bagi MPP untuk mengkaji dan membuat cadangan tentang pilihan raya.
144. Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan yang memberikan kuasa kepada Majlis Tempatan untuk mengadakan pilihan raya.
145. Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan di Georgetown.
146. Pilihan raya majlis perbandaran yang kedua diadakan di Kuala Lumpur.
147. Pada tahun 1954, Pilihan raya peringkat negeri diadakan. Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi dipertandingkan.
148. Keadaan ini menunjukkan pilihan raya pada peringkat awal berjaya menyedarkan rakyat tentang amalan demokrasi.
149. Pilihan Raya Umum Pertama diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan.
150. Syarat untuk menjadi pengundi ialah warganegara PTM, berumur 21 tahun ke atas dan tinggal di PTM dalam tempoh 6 bulan terdahulu.
151. Syarat untuk menjadi calon pilihan raya ialah warganegara PTM, berumur 21 tahun ke atas, tinggal di PTM dalam tempoh 12 bulan sebelum penamaan calon.
152. Calon juga mesti berpengetahuan dalam BM dan BI.
153. Di Sarawak, pilihan raya tempatan pertama diadakan sebagai persediaan awal ke arah berkerajaan sendiri.
154. Dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP), parti Perikatan mendapat kemenangan besar.
155. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri PTM yang pertama dan menubuhkan kabinetnya sendiri.
156. Peranan Kabinet Pertama ialah membincangkan soal kewangan dan perkhidmatan awam.
157. Kabinet menyambung sistem dalam MPP yang berasaskan Model Westminster.
158. Selain itu, membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.
159. Kabinet pertama PTM memperlihatkan barisan pemimpin berwibawa, bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain.
160. Model Westminster ialah sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B9:

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957.

161. Pilihan raya umum 1955 menjadi asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri.
162. Rombongan Kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai wakil Parti Perikatan.
163. Dato Panglima Bukit Gantang, Dato Mohamad Seth dan Dato Nik Ahmed Kamil menjadi wakil Raja-raja Melayu
164. Rundingan Kemerdekaan diadakan antara wakil Tanah Melayu dengan kerajaan British di London.
165. Rombongan berjaya mendapatkan persetujuan British memberi Kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu, 8 Februari 1956.
166. Dalam rundingan, kedua-dua pihak setuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan negara.
167. Sheikh Abdullah Fahim ialah tokoh yang mencadangkan tarikh kemerdekaan PTM.
168. Pengumuman tarikh kemerdekaan telah oleh dibuat Tunku Abdul Rahman di Padang Banda Hilir, Melaka.
169. Beliau memberikan isyarat tangan bahawa kemerdekaan kini dalam genggaman!
170. Suruhanjaya Perlembagaan PTM juga dikenali sebagai Suruhanjaya Reid
171. Suruhanjaya ini dipengerusikan oleh Lord Reid
172. Suruhanjaya Reid ditubuhkan dan berperanan membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
173. Suruhanjaya ini menerima sebanyak 131 memorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk dipertimbangkan.
174. Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman berlepas sekali lagi ke London untuk berbincang dengan British tentang isu kewarganegaraan
175. Intipati Perjanjian PTM 1957 ialah pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen
176. Seorang raja akan dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong setiap lima tahun.
177. Orang yang dilahirkan dalam PTM selepas hari merdeka akan menjadi warganegara
178. Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf dan kepentingan sah kaum lain dilindungi.
179. Agama Islam menjadi agama rasmi Persekutuan.
180. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan Persekutuan.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T4B10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN.

181. **Kemerdekaan** negara pada 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa penting kerana negara kita bebas daripada cengkaman kuasa asing.
182. Menurut Kamus Dewan, kemerdekaan ialah bebas daripada penjajah
183. Menurut Soekarno, kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya. Kebebasan ini merangkumi kebebasan berfikir dan bertindak.
184. Menurut **Tunku Abdul Rahman**, kemerdekaan ibarat “perhentian dalam perjalanan jauh bagi mewujudkan negara baharu yang berdaulat. Rakyat perlu berusaha... mencipta bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan”
185. **Jawatankuasa Persediaan Fizikal** dibentuk untuk membuat persediaan fizikal menyambut kemerdekaan negara.
186. Lagu kebangsaan berasal daripada lagu Terang Bulan, iaitu lagu negeri Perak.
187. Lirik lagu Negaraku ditulis oleh Saiful Bahri
188. Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hanzah
189. Bunga Raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan.
190. **Jawatankuasa Sambutan** berperanan memeriahkan sambutan kemerdekaan pada peringkat ibu kota dan negeri.
191. Menjelang malam 30 Ogos 1957, bendera Union Jack ↓ diturunkan dan bendera Persekutuan dinaikkan dengan diiringi lagu *Negaraku*.
192. Peristiwa ini penting kerana menandakan negara kita bebas daripada penjajahan.
193. Pada 31 Ogos 1957, upacara pemahsyuran kemerdekaan dihadiri oleh Duke of Gloucester sebagai wakil Queen Elizabeth II.
194. Tunku Abdul Rahman melaungkan MERDEKA ! sebanyak 7 kali dan disahut oleh para hadirin yang terdiri daripada pelbagai bangsa.
195. PTM mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
196. Negara kita diterima menjadi ahli PBB menunjukkan pengiktirafan negara baru.
197. FELDA ditubuhkan untuk memajukan tanah baharu secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula masyarakat.
198. **Kementerian Pembangunan Luar Bandar** diwujudkan untuk membangunkan infrastruktur sosial dan ekonomi luar bandar.
199. Rancangan Buku Merah mengandungi projek berkaitan kemudahan asas seperti jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik.
200. **Lambang kebangsaan** seperti Jata Negara, lagu dan bendera kebangsaan, merupakan identiti rakyat dan menjadi simbol perpaduan

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B1: KEDAULATAN NEGARA.

201. **Kedaulatan** ditakrifkan sebagai kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas dan mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan sendiri.
202. Dalam bahasa Yunani, supernuus atau superanus bermaksud agung atau tertinggi
203. Dalam bahasa Inggeris, kedaulatan ialah sovereignty yang bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.
204. Daulah dalam bahasa Arab bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.
205. Menurut Aristotle kedaulatan ialah kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan.
206. Menurut Ibnu Khaldun, kekuatan semangat kekifuan yang diiringi semangat beragama menyebabkan bangsa rela berkorban demi mencapai cita-cita yang sama.
207. Menurut Tunku Abdul Rahman, kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
208. Terdapat 4 jenis kedaulatan iaitu kedaulatan tradisional, kedaulatan moden, kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa.
209. Kedaulatan moden dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis
210. Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam kehidupan masyarakat.
211. Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan di negara kita.
212. Kedaulatan antarabangsa merujuk pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara.
213. Terdapat 4 ciri negara yang berdaulat iaitu mempunyai pemerintahan, mempunyai Sempadan, mempunyai perundangan dan mempunyai rakyat
214. Ketua Utama Negara Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong manakala ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri
215. Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Mereka disatukan melalui satu bahasa, kebudayaan, Rukuh Negara serta identiti nasional yang sama.
216. Kepentingan mewujudkan negara berdaulat ialah keberkesanan pentadbiran, kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan hubungan luar negara.
217. Pemerintah dan rakyat perlu bekerjasama mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, mengekalkan perpaduan kaum dan memupuk patriotisme
218. Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara.
219. Menghormati lambang negara seperti bendera adalah bukti patriotisme rakyat.
220. Rakyat boleh menganggotai pasukan keselamatan untuk memper tahankan negara.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

221. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sesebuah negara.
222. Asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang Negeri Melayu dan undang-undang Inggeris
223. Undang-undang di NNS dikenali sebagai Charter of Justice (1807). Matlamatnya untuk melindungi penduduk asal daripada ketidakadilan.
224. Perlembagaan Sarawak memberi kuasa kepada Council Negeri (Majlis Negeri) untuk membuat undang-undang.
225. Di Sabah, Majlis Undangan memberi kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang.
226. Pada tahun 1946, undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan. Undang-undang di NNMB digubal oleh Majlis Persekutuan manakala di NNMTB digubal oleh Majlis Negeri
227. Pada tahun 1957, Perlembagaan PTM disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain.
228. Lima terma rujukan dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ialah kerajaan Persekutuan, Raja-raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, Parlimen dan kewarganegaraan
229. Terdapat 2 ciri Perlembagaan Persekutuan iaitu ciri tradisional dan ciri moden
230. Ciri tradisional ialah kesultanan atau pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera.
231. Ciri moden ialah Kerajaan Persekutuan, demokrasi berparlimen dan kewarganegaraan
232. Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja manakala bagi negeri tidak beraja, ia terletak di bawah kuasa YDPA
233. Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah, serta kepentingan sah kaum lain
234. Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi
235. Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya. Tujuan pilihan raya adalah untuk memberi kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dalam kerajaan.
236. Pindaan perlembagaan dibuat bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa
237. Pindaan Perlembagaan 1963 dibuat selepas pembentukan Malaysia
238. Tiga perkara utama yang dipinda ialah struktur Mahkamah Atasan, Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri
239. Pindaan Perlembagaan 1965 dibuat selepas Singapura keluar dari Malaysia.
240. Semua perkara berkaitan Singapura dimansuhkan seperti imigresen, kewangan hubungan luar dan pertahanan

KATA KUNCI PENTING –

- Shifa Sejarah -

SEJARAH T5B3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

241. Raja Berperlembagaan bermaksud pemerintahan beraja mengikut Perlembagaan Persekutuan.
242. Demokrasi Berparlimen bermaksud demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihan raya.
243. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara.
244. Durbar ialah perjumpaan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dan British.
245. Mohor Besar Raja-Raja melambangkan kekuasaan dan Kedaulatan raja.
246. Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di 9 negeri. Pemilihan YdPA dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja.
247. Kuasa YdPA meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.
248. Dalam Eksekutif, YdPA melantik seorang Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.
249. Dalam Perundangan, YdPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang atau memberhentikan dan membubarkan Parlimen.
250. YdPA boleh mengisytiharkan darurat jika keselamatan negara terancam.
251. Dalam Kehakiman, YdPA berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan mahkamah.
252. Pilihan raya membuktikan amalan demokrasi dilaksanakan di Malaysia.
253. Kebebasan asasi termasuklah kebebasan diri, kebebasan beragama, hak berkenaan pendidikan, kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.
254. SUHAKAM merupakan institusi Hak Asasi Kebangsaan di Malaysia.
255. Kuasa Pemerintahan dalam pemerintahan dibahagikan kepada tiga badan iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman. Ini membuktikan pengasingan kuasa diamalkan di negara kita.
256. Badan perundangan pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen manakala peringkat Kerajaan Negeri ialah DUN.
257. Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
258. Badan eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri/Cabinet. Di peringkat negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) atau Kabinet Negeri.
259. Bahan kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim Negara dan kuasa kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah. Hakim mestilah bebas daripada pengaruh politik.
260. Perlembagaan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada YdPA dalam soal perlantikan Perdana Menteri, serta tidak memperkenankan pembubaran Parlimen.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B4: SISTEM PERSEKUTUAN.

- cikgu Laren -

261. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem persekutuan
262. **Persekutuan** bermaksud gabungan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu
263. Unsur penting dalam negara Persekutuan ialah wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri
264. Persekutuan yang berkuatkuasa pada tahun 1896 dikenali sebagai NNMB
265. Pentadbiran kerajaan Malaysia dibahagi kepada **3 peringkat** iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan
266. Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan keamanan negara.
267. **Senarai Persekutuan** mengandungi hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, kewarganegaraan, kewangan, pelajaran, perubatan dan kesihatan
268. **Senarai Negeri** mengandungi undang-undang Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan dan hari kelepasan negeri.
269. Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
270. **Senarai Bersama** ialah kebajikan awam, biasiswa, haiwan liar dan taman negara, kebersihan, pencegahan penyakit, kebudayaan dan sukan serta perumahan
271. Kerajaan Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Malaysia.
272. **Kerajaan Tempatan** dikenali sebagai Pihak Bertkuasa Tempatan (PBT) berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
273. Antara fungsi PBT ialah mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja, menyediakan kemudahan awam, menyelenggara jalan raya, sistem saliran dsb.
274. PBT juga mengindahkan kawasan dan menyediakan perkhidmatan pembersihan
275. Pembangunan in-situ menekankan pembangunan fizikal desa seperti kemudahan asas dan rumah rakyat.
276. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri meliputi aspek sosioekonomi, khazanah negara, perumahan dan kesihatan
277. **KEJORA**, **KESEDAR**, **KETENGAH** adalah contoh pembangunan wilayah
278. Pengurusan taman negara di Semenanjung Malaysia diuruskan oleh PERHILITAN
279. **RASCOM** ditubuhkan untuk mengatasi ancaman komunis dan menjamin keselamatan di Sarawak.
280. **ESSCOM** ditubuhkan untuk mengatasi pencerobohan pengganas dan menjamin keselamatan pantai timur Sabah.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B5: PEMBENTUKAN MALAYSIA.

281. Lord Brassey mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat menjadi tanah jajahan British yang besar.
282. Sir Malcom MacDonald mencadangkan penggabungan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo, untuk melaksanakan rancangan dekolonisasi
283. Dekolonisasi bermaksud proses ke arah berkerajaan sendiri
284. Sir Gerard Templer meminta penggabungan disegerakan bagi tujuan Keselamatan
285. Sir Geofroy Tory mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi
286. **Faktor pembentukan Malaysia** ialah Keselamatan, keseimbangan komposisi penduduk, mempercepatkan Kemerdekaan dan pembangunan wilayah.
287. Ancaman Komunis di Singapura dan Sarawak menjadi faktor pembentukan Malaysia.
288. Di Sarawak, parti BARJASA, PANAS, PESAKA dan SCA menyokong Malaysia, manakala parti SNAP dan SUPP menentang Malaysia.
289. Di Sabah, parti UNKO dan USNO menyokong pembentukan Malaysia.
290. Di Singapura, PAP menyokong namun Barisan Sosial menentang kerana menganggap ia sebagai penjajahan baharu.
291. Di Brunei, Parti Rakyat Brunei menentang cadangan Malaysia kerana bimbang Brunei akan kehilangan sebahagian besar kekayaan
292. Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei untuk bertemu dengan pemimpin dan menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
293. JSKM ditubuhkan untuk meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia. JSKM dipengerusikan oleh Donald Stephens
294. Referendum Singapura diadakan untuk menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia. Keputusan ini membolehkan Singapura menyertai Malaysia
295. Suruhanjaya Cobbold mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak. Lapornya mendapati 2/3 penduduk menyokong pembentukan Malaysia.
296. JAK ditubuhkan untuk melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.
297. Tarikh pembentukan Malaysia ditangguhkan kepada 16 sept. 1963 kerana laporan Setiausaha PBB tidak dapat disiapkan pada 31 Ogos 1963.
298. Filipina menentang Malaysia kerana menuntut wilayah Sabah
299. Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan alasan mengancam kedudukan Indonesia.
300. Peralihan kepimpinan Indonesia telah menamatkan konfrontasi dengan Malaysia.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B6:

CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA.

301. **Cabaran dalaman Malaysia** ialah pembangunan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah, cabaran politik di Sarawak dan cabaran perpaduan kaum
302. **Pemisahan Singapura** menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia.
303. Faktor politik **pemisahan Singapura** ialah konflik PAP dengan Perikatan dan kempen Malaysian Malaysia untuk menuntut hak yang sama rata untuk semua kaum.
304. Faktor ekonomi ialah Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan.
305. Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan Cukai dan mahu mengenakan kadar faedah terhadap pinjaman RM150 juta.
306. Masalah perkauman juga menjadi faktor pemisahan Singapura.
307. Pada 9 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia.
308. **Ancaman keselamatan di Sarawak** disebabkan oleh kegiatan komunis
309. Kerajaan melaksanakan dua kaedah, iaitu gerakan Perang Saraf dan operasi ketenteraan untuk mengatasi ancaman komunis.
310. Operasi RASCOM, Operasi Hammer dan Operasi Sri Aman dilancarkan untuk menghapuskan ancaman komunis di Sarawak.
311. PKM meletupkan Tugu Negara di Kuala Lumpur menyebabkan pihak keselamatan memperkuatkan perkhidmatan risikan untuk mengawasi komunis.
312. Perjanjian Hat Yai ditandatangani antara PKM, Malaysia dan Thailand.
313. Dalam menangani isu pembangunan sosioekonomi, kerajaan memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama
314. **Peristiwa rusuhan antara kaum** berlaku pada 13 Mei 1969 kesan ketidakseimbangan ekonomi dan sosial di negara kita.
315. Semasa pilihan raya, parti berkempen menggunakan sentimen perkauman
316. **Langkah serta-merta diambil untuk menghentikan rusuhan** termasuk mengisytiharkan darurat, pembentukan MAGERAN dan peranan Raja-raja Melayu.
317. Semasa darurat, perlembagaan digantung dan parlimen ditangguh. Polis menguatkuasakan perintah berkurung
318. **MAGERAN** bertanggungjawab mengawal ketenteraan negara.
319. MAGERAN telah menguatkuasakan Akta Hasutan 1948.
320. Raja-raja Melayu meminta rakyat bertenang dan mematuhi undang-undang

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA.

Shifu Sejarah

321. Perpaduan kaum ialah keadaan rakyat pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dan bersatu.
322. Integrasi nasional ialah satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah.
323. Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan.
324. Masalah hubungan kaum berterusan sehingga menyebabkan peristiwa 13 Mei 1969.
325. Kerajaan menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai Rukun Negara.
326. Kerajaan menubuhkan Majlis Muhibbah Negara untuk menggalakkan perasaan muhibbah antara masyarakat berbilang kaum.
327. Kerajaan memperkenalkan DEB dan DPN untuk menjamin kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
328. Kerajaan menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.
329. Kerajaan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan.
330. Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk perpaduan.
331. Laporan Rahman Talib menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mengadakan kurikulum yang sama bagi semua jenis sekolah.
332. Kajian Aminuddin Baki memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.
333. Penubuhan UKM dan DBP merupakan usaha memartabatkan bahasa Melayu.
334. Dasar kebudayaan Kebangsaan (DKK) dibentuk bagi mewujudkan perpaduan.
335. Prinsip utama DKK ialah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu, kebudayaan lain yang sesuai dan Islam menjadi unsur penting.
336. DKK melahirkan penggiat budaya seperti Hamzah Dolmat, Samuel Dass dan Mathew Ngau Jau dalam bidang muzik tradisional.
337. Sukan Malaysia atau SUKMA bertujuan mengeratkan perpaduan dan integrasi.
338. Slogan "Malaysia Boleh" semasa kejohanan sukan menunjukkan patritisme rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.
339. Rukun Negara ialah ideologi negara untuk menyatukan rakyat ke arah perpaduan.
340. Matlamat Rukun Negara ialah mewujudkan negara bersatu, masyarakat adil, progresif, liberal dan demokratik.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA NEGARA

341. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional. Hasilnya terbentuklah DEB
342. Dasar Ekonomi Baru bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum dan wilayah.
343. Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum
344. Strategi DEB ialah membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat
345. DEB membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat.
346. DEB menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenaln kaum mengikut fungsi ekonomi
347. Matlamat Rancangan Buku Hijau untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.
348. Agensi kerajaan seperti LKIM, LPP, LPN dan RISDA ditubuhkan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan.
349. Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan di bawah FELDA. Penduduk luar bandar dipindahkan dan diberi tanah untuk tanaman kelapa sawit dan getah
350. KEJORA, KETENGAH DAN KESEDAR ialah pembangunan wilayah di bawah DEB.
351. PNB melancarkan ASN dan ASB untuk memudahkan bumiputera memiliki saham.
352. Pendidikan tenaga kerja mahir diberikan melalui sekolah teknik dan vokasional.
353. DPN merupakan kesinambungan DEB. Matlamat Dasar Pembangunan Nasional untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan
354. Objektif DPN untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh sosial dan politik serta pembangunan ekonomi yang berterusan.
355. DPN membasmi kemiskinan dengan memberi subsidi dan sokongan kepada petani dan nelayan. Belia diberi latihan di agensi kerajaan seperti Giatmara dan ILP.
356. DPN menyusun semula modal saham bumiputera melalui penubuhan MARA, PERNAS dan PKEN.
357. Pencapaian DEB dan DPN ialah penurunan kadar kemiskinan, peningkatan kualiti hidup, pendidikan, pengangkutan, perhubungan dan bandar baru.
358. Peningkatan kualiti hidup rakyat dilihat dari aspek kesihatan, pendidikan dan penyediaan infrastruktur.
359. Zon Perindustrian Bebas ialah kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai
360. PROTON dan PERODUA ialah pelopor industri kereta tempatan.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B9: DASAR LUAR MALAYSIA

361. Kesultanan Melayu Melaka mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan China, Ryukyu, Siam, Makassar, Pasai dan Turki.
362. Melaka juga mengadakan hubungan perdagangan dengan China, Pegu, Luzon, Gujerat, Koromandel, Mesir, Parsi dan Turki.
363. Faktor penggubalan dasar luar Malaysia ialah ikatan sejarah keperluan nasional, kepemimpinan dan persekitaran luar.
364. UNESCO ialah agensi PBB yang membolehkan Gunung Mulu dan Taman Kinabalu diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.
365. UNHCR ialah agensi PBB yang melindungi golongan pelarian dan tidak bernegara.
366. Tugas misi pengaman PBB yang disertai Malaysia ialah memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dan mendaulatkan undang-undang.
367. Tugas misi pegawai pemerhati PBB yang disertai Malaysia ialah membantu pentadbiran dan pengurusan, memberi latihan teknikal dan menjadi jurubahasa.
368. Komanwel ialah sebuah badan yang dianggotai bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka.
369. Rancangan Colombo bertujuan menangani masalah kemiskinan anggota Komanwel.
370. Dasar Apartheid di Afrika Selatan ditentang Malaysia kerana menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan warna kulit.
371. sukan komanwel ialah sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik.
372. Malaysia mengubah dasar probarat kepada dasar berkecuali apabila Tun Abdul Razak menjalinkan hubungan dengan China.
373. Pada tahun 1963, MAPHILINDO diwujudkan oleh Malaysia, Filipina dan Indonesia untuk menyelesaikan isu pembentukan Malaysia tetapi gagal.
374. Pada tahun 1967, ASEAN diwujudkan untuk meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan antara negara-negara Asia Tenggara.
375. ZOPFAN telah menjadikan ASEAN sebagai zon aman, bebas dan berkecuali.
376. SEAMEO dan RECSAM ialah kerjasama sosial negara anggota ASEAN dalam bidang pendidikan.
377. NAM ialah Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak.
378. Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 untuk mendesak pengharaman senjata nuklear.
379. OIC ditubuhkan untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia.
380. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Setiausaha Agung yang pertama OIC.

KATA KUNCI PENTING – SEJARAH T5B10:

- cikgu Laren -

KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

381. **Isu global kontemporari** yang dihadapi Malaysia ialah penyalahgunaan dadah, pertindihan sempadan, kempen antiminyak sawit, pemerdagangan orang dan penyakit.
382. Malaysia menyuarakan bahaya dadah dalam forum antarabangsa seperti IDEC. Malaysia juga bekerjasama dengan polis antarabangsa atau INTERPOL.
383. Tuntutan Pulau Batu Putih melibatkan Malaysia dengan Singapura, manakala Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia.
384. Isu tuntutan **Kepulauan** Spartly melibatkan China, Vietnam, Brunei dan Filipina.
385. **Kempen antiminyak sawit** dijalankan oleh pengeluar minyak kacang soya iaitu ASA.
386. NGO Pencinta Alam Eropah mendakwa penanaman kelapa sawit menjadi punca pencemaran alam sekitar dan kemusahan hutan.
387. Kedudukan Malaysia yang Strategik menjadikannya sebagai lokasi transit **pemerdagangan orang** ke negara lain.
388. Penyakit AIDS adalah **penyakit berjangkit** di seluruh dunia.
389. Malaysia meluaskan pasaran ekonomi melalui Perjanjian AFTA untuk mengurangkan tarif dan cukai barangan dalam kalangan negara ASEAN.
390. IMT-GT, SIJORI-GT dan BIMP-EAGA ialah kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga iaitu pembangunan wilayah baru negara ASEAN.
391. Pada tahun 1990-an, negara Asia termasuk Malaysia, mengalami **kemelesetan ekonomi** akibat spekulasi mata wang.
392. Malaysia menangani kemelesetan ekonomi dengan menambat kadar pertukaran ringgit kepada dollar, dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
393. Antara NGO yang membantu Palestin ialah Aman Palestin, MAPIM dan CGM.
394. Antara NGO yang membantu Syria ialah MyCare, CSM dan GPM.
395. Malaysia menghantar misi kemanusiaan ke Aceh dan Sri Lanka yang musnah akibat bencana alam iaitu tsunami.
396. Pengisytiharan Deklarasi Langkawi merupakan komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara alam sekitar.
397. Anugerah Langkawi diberikan kepada individu yang memberi sumbangan dalam bidang alam sekitar.
398. Malaysia mendesak PBB menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
399. Isu alam sekitar yang sering melanda Asia Tenggara ialah fenomena jerebu.
400. Malaysia komited untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai zon bebas nuklear.

"All The Best"
Laren
- shifu sejarah -